

12 MAR 2002

Parlimen-Usul

S'PURA PATUT MAKLUMKAN PROJEK PENAMBAKAN KPD M'SIA, KATA ZAHID

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Singapura sepatutnya memaklumkan kepada Malaysia tindakan negara itu untuk menambak perairan Tuas dan Pulau Tekong sebelum memulakan projek itu kerana ia memberi kesan kepada negara, kata seorang penyokong kerajaan hari ini.

Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datok) berkata kerja-kerja penambakan itu memberi kesan kepada kedudukan perairan berkenaan, yang semakin sempit termasuk Selat Tebrau, dalam tempoh jangkamasa panjang.

"Malaysia berhak membantah kegiatan menambak pantai itu kerana ia bukan sahaja memberi kesan geografi antara Malaysia dan Singapura tetapi dalam jangka masa panjang kelak, menjejaskan kelancaran operasi pelabuhan Tanjung Pelepas," katanya semasa membentangkan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata walaupun kerja menambak yang dilakukan kerajaan Singapura berlaku dalam kawasan sempadan dan perairan negara itu, tetapi ia turut membabitkan kedudukan perairan Malaysia dari segi geografi, ekologi dan ekonomi.

"Sekiranya Malaysia diberitahu mengenai rancangan Singapura itu, (terlebih dahulu), pelbagai tafsiran terhadap tindakan republik itu mungkin dapat dielakkan," katanya.

Ahmad Zahid berkata: "Malaysia mempunyai prinsip bahawa jiran mesti dihormati. Bagaimanapun, negara (Malaysia) juga berkehendakkan negara yang berjiran dengannya turut mengamalkan sikap menghormati negara ini sebagai jiran.

"Singapura sering menunjukkan sikap tidak mahu kalah dalam mempertahankan sesuatu isu dan itu menyebabkan negara itu dilihat sebagai "kiasu" atau tidak mahu beralah," katanya.

Hujah beliau disokong oleh Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) yang mencelah ucapan Ahmad Zahid dan berkata Singapura sepatutnya tidak mengambil kesempatan dengan membuat tindakan yang boleh menimbulkan rasa kurang senang negara jiran.

"Kenapa Singapura pilih untuk menambak di kawasan perairan di sebelah utara negara itu, di kawasan yang berhampiran dengan kawasan sempadan perairan Malaysia. Sedangkan mereka boleh membuat tambakan di bahagian selatan pulau itu yang tidak mengganggu kepentingan negara lain?" tanya Mohamad.

Katanya kesan daripada tambakan yang dilakukan oleh negara berkenaan bukan sahaja menggugat sektor ekonomi negara tetapi juga memberi kesan kepada kerajaan negeri Johor.

Ahmad Zahid dalam ucapannya turut menyentuh isu air dan mencadangkan kerajaan supaya mengkaji semula harga air yang disalurkan kepada Singapura.

Katanya Malaysia membekalkan 350 juta gelen air mentah sehari ke negara itu dengan harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen air (satu gelen menyamai kira-kira 4.5 liter) dan kemudiannya menjual balik 37 juta gelen air yang telah dirawat kepada Johor dengan harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen air bersih.

Secara kasarnya, kata Zahid, Singapura hanya membelanjakan kira-kira RM1.05 bilion untuk membeli air mentah dari Malaysia, dan mendapat semula RM1.85 bilion hasil daripada jualan air yang dirawat.

"Ia jelas menunjukkan satu operasi jual beli yang berat sebelah walaupun pernah Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) meminta

supaya dinaikkan harga air yang dibekalkan ke Singapura itu kepada 60 sen bagi setiap 1,000 gelen air yang dibekalkan tetapi ditolak oleh Singapura dengan pelbagai alasan," katanya.

-- BERNAMA

FA HK RON